

26 APR 2002

Mahkamah-Anwar/I

ANWAR DIPERINTAH BAYAR RM35,381 SEBAGAI KOS KEPADA PERDANA MENTERI

KUALA LUMPUR, 26 April (Bernama) -- Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini diperintah membayar RM35,381 kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai kos setelah gagal dalam rayuannya untuk membatalkan samannya terhadap perdana menteri.

Timbalan Pendaftar Mahkamah Rayuan Mohamed Nasir Yahya membuat perintah itu dalam kamarnya. Peguam Fadzilah Mohamed Pilus mewakili Dr Mahathir dan Karpal Singh mewakili Anwar.

Dr Mahathir memohon kos sebanyak RM152,755.

Pada 9 Dis, 2000, Mahkamah Rayuan mengekalkan keputusan Hakim Mahkamah Tinggi Datuk Dr R.K.Nathan yang membatalkan saman Anwar terhadap Dr Mahathir, dengan kos.

Anwar memfailkan saman itu pada Januari 1999 dengan mendakwa bahawa Dr Mahathir telah berbohong dan berniat jahat apabila memberitahu sidang media di Jabatan Perdana Menteri bahawa beliau (Anwar) telah melakukan perbuatan yang tidak bermoral.

Anwar menuntut kos RM100 juta.

Dr Mahathir dalam kenyataan pembelaannya berkata beliau mengucapkan kata-kata itu dalam kedudukannya sebagai perdana menteri dengan perlindungan bersyarat.

Ia merupakan kali ketiga Anwar diperintah membayar kos kepada Dr Mahathir bersabit saman itu.

Pada 17 April tahun lepas, Anwar diarah membayar RM85,284.80 sebagai kos prosiding di Mahkamah Tinggi dan pada 6 Julai tahun lepas, dia diperintah membayar RM18,489 lagi sebagai kos prosiding di Mahkamah Persekutuan.

Pada 23 Feb tahun lepas, Mahkamah Persekutuan menolak dengan kos permohonan Anwar untuk memohon kebenaran merayu terhadap keputusan Mahkamah Rayuan yang mengekalkan keputusan Mahkamah Tinggi.

Anwar kini menjalani hukuman penjara selama 15 tahun kerana amalan rasuah dan liwat.

Mahkamah Persekutuan telah menengguhkan penghakiman terhadap rayuan Anwar untuk mengetepikan sabitan penjara enam tahun di atas empat kesalahan rasuah.

-- BERNAMA

JA AHH LAT